



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	30/7/2019	MUKA SURAT : 74
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

## PERHILITAN pantau laluan utama haiwan

**Kuala Terengganu:** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) Terengganu akan terus memantau Jalan Kuala Berang - Aring, Hulu Terengganu yang menjadi laluan utama gajah di kawasan terbabit.

Pengarah PERHILITAN Terengganu, Dr Abdul Malek Mohd Yusof, berkata kawasan terbabit sememangnya wujud konflik antara manusia dan binatang, terutama gajah yang menggunakan laluan yang sama.

"PERHILITAN sentiasa memantau kawasan berkenaan kerana ia menjadi laluan gajah ke-

-luar dan masuk ke hutan berdekatan selain menjadi laluan kenderaan yang menggunakan jalan dari Kuala Berang ke Gua Musang.

"Namun, sukar untuk kita menjangkakan pergerakan haiwan liar terbabit, jadi pemandu yang menggunakan laluan terbabit diminta berhati-hati," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Abdul Malek juga berkata, kes membabitkan gajah mati dilanggar lori dalam kejadian kira-kira jam 10.30 malam kelmarin, di laluan berkenaan juga di luar jangkauan.